

## Penyata Kewangan

---

Laporan Pengarah	92
Kunci Kira-kira	96
Penyata Pendapatan	97
Penyata Perubahan Ekuiti	98
Penyata Aliran Tunai	99
Nota-nota Kepada Penyata Kewangan	101
Penyata Pengarah	123
Akuan Berkanun	123
Laporan Juruaudit	124

# Laporan Pengarah

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan mereka serta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002.

## KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah membeli pinjaman gadai janji, hutang sewa beli dan pemajakan dari pemberi pinjaman utama yang diluluskan oleh Syarikat dan menerbitkan bon dan nota untuk membiayai pembelian tersebut. Syarikat juga membeli hutang pembiayaan rumah dan hutang sewa beli secara Islam dan menerbitkan bon berlandaskan prinsip Islam.

Tiada perubahan penting berlaku dalam kegiatan berkenaan di sepanjang tahun.

## KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM'000
Untung sebelum cukai dan zakat	207,504
Cukai	(57,196)
Zakat	(254)
<hr/>	<hr/>
Untung bersih untuk tahun ini	150,054
Perolehan tertahan dibawa ke hadapan	885,812
<hr/>	<hr/>
Untung yang boleh diagihkan	1,035,866
Dividen akhir (selepas cukai pendapatan sebanyak 28%) untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001	(10,800)
Dividen interim (selepas cukai pendapatan sebanyak 28%) untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002	(10,800)
<hr/>	<hr/>
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	1,014,266
<hr/>	<hr/>

## DIVIDEN

Dividen yang dibayar oleh Syarikat sejak 31 Disember 2001 adalah seperti berikut:

	RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001, seperti yang ditunjukkan dalam laporan Pengarah tahun berkenaan, dividen kasar akhir sebanyak 10 sen sesyer di atas 150,000,000 syer biasa (ditolak cukai pendapatan) dibayar pada 10 April 2002	10,800
<hr/>	<hr/>
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002, dividen kasar interim sebanyak 10 sen sesyer di atas 150,000,000 syer biasa (ditolak cukai pendapatan) dibayar pada 17 Oktober 2002	10,800
<hr/>	<hr/>
	21,600

Para Pengarah kini mencadangkan pembayaran dividen kasar akhir sebanyak 15 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan) dan dividen kasar khas sebanyak 93 sen sesyer (dikecualikan cukai) di atas 150,000,000 syer biasa berjumlah RM155,700,000 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002, bergantung kepada kelulusan ahli-ahli di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, akan dibayar pada 14 April 2003 kepada para pemegang syer yang berdaftar dalam Daftar Ahli Syarikat pada penutup perniagaan pada 21 Mac 2003.

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Kesemua pindahan matan ke atau dari rizab dan peruntukan sepanjang tahun ini ditunjukkan di dalam penyata kewangan.

## LEMBAGA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sepanjang tempoh sejak tarikh laporan yang terakhir adalah seperti berikut:

Ooi Sang Kuang (Pengerusi)	(dilantik pada 4.7.2002)
Tan Sri Dato' Azman Hashim	
Datuk Tay Ah Lek	
Dato' Tan Teong Hean	
Datuk Amirsham A. Aziz	
Mohamed Azmi Mahmood	
Md Agil Mohd Natt	
Dato' Mohd Razif Abdul Kadir	
Dato' Wan Ismail Abdul Rahman	
Dr. Rozali Mohamed Ali	
Michael Andrew Hague	(dilantik pada 24.7.2002)
Yvonne Chia	(meletak jawatan pada 23.3.2002)
Dato' Huang Sin Cheng	(meletak jawatan pada 16.6.2002)
Dr. Zeti Akhtar Aziz	(melepas jawatan pada 7.10.2002)
Lee Kam Chuen	(meletak jawatan pada 16.12.2002)

Menurut Artikel Tataurusan Syarikat, para Pengarah berikut akan bersara mengikut giliran di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, oleh kerana layak, menawarkan diri untuk dipilih semula:

Datuk Amirsham A. Aziz  
Md Agil Mohd Natt  
Dato' Mohd Razif Abdul Kadir

Menurut Artikel Tataurusan Syarikat, para Pengarah berikut akan bersara di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, oleh kerana layak, menawarkan diri untuk dipilih semula:

Michael Andrew Hague  
Ooi Sang Kuang

## FAEDAH PENGARAH

Pada sepanjang dan akhir tahun, Syarikat tidak terlibat di dalam sebarang urusan yang bertujuan untuk membolehkan Pengarah mendapat faedah melalui perolehan syer atau debentur Syarikat atau badan korporat lain.

Sejak akhir tahun yang lalu, tidak ada Pengarah yang menerima atau layak untuk menerima apa-apa faedah (selain daripada yang dinyatakan sebagai ganjaran Pengarah dalam Nota 20 kepada penyata kewangan) berdasarkan kepada kontrak yang dibuat oleh Syarikat dengan Pengarah berkenaan atau dengan firma di mana Pengarah tersebut menjadi ahli, atau dengan syarikat yang ia mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

## **KEPENTINGAN PENGARAH**

Mengikut daftar pemegangan syer para Pengarah, Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam syer Syarikat.

## **MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN**

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:

- (a) untuk menentukan bahawa tindakan telah diambil berhubung dengan menghapus kira hutang lapuk dan peruntukan untuk hutang rugu, dan berpuas hati bahawa segala hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang rugu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa aset semasa, selain daripada hutang, yang tidak berkemungkinan terealisasi dalam urusan perniagaan biasa, nilainya yang ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Syarikat telah dikurangkan nilainya ke nilai yang dijangka boleh terealisasi.

Para Pengarah tidak mendapati adanya sebarang keadaan pada tarikh laporan ini yang mungkin mengakibatkan:

- (a) jumlah hutang lapuk yang dihapus kira atau jumlah peruntukan untuk hutang rugu di dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi secara hakikinya; atau
- (b) nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan; atau
- (c) kaedah yang digunakan untuk menilai aset atau liabiliti Syarikat yang sedia ada mengelirukan atau tidak sesuai.

Pada pendapat para Pengarah, tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang akan atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun ini yang akan atau mungkin menjelaskan keupayaan Syarikat untuk memenuhi tanggungjawab tersebut apabila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

- (a) sebarang cagaran terhadap aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
- (b) sebarang liabiliti luar jangka Syarikat yang timbul sejak akhir tahun.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mendapati adanya sebarang keadaan yang tidak diambil kira dalam laporan atau penyata kewangan yang boleh mengakibatkan kekeliruan terhadap mana-mana jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat para Pengarah,

- (a) keputusan operasi Syarikat sepanjang tahun tidak terjejas oleh sebarang butir, urus niaga atau kejadian yang matan dan luar biasa; dan
- (b) tiada timbul sebarang butir, urus niaga atau kejadian yang matan dan luar biasa dari akhir tahun hingga tarikh laporan ini yang boleh menjelaskan keputusan operasi Syarikat untuk tahun kewangan laporan ini disediakan.

## **URUS NIAGA DENGAN PIHAK YANG BERKAITAN**

Kebanyakan urus niaga yang melibatkan pinjaman gadai janji, hutang sewa beli dan pemajakan, hutang pembiayaan rumah dan hutang sewa beli secara Islam serta penerbitan sekuriti hutang tidak bercagar adalah dibuat secara tulus dengan pihak-pihak yang berkaitan dengan Syarikat, iaitu institusi-institusi kewangan yang mempunyai kaitan sebagai para pemegang syer Cagamas Berhad.

## **JURUAUDIT**

Juruaudit Syarikat, PricewaterhouseCoopers telah menyatakan kesediaan mereka untuk terus menjadi juruaudit Syarikat.

Selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 25 Februari 2003.



**OOI SANG KUANG**  
PENGERUSI



**TAN SRI DATO' AZMAN HASHIM**  
PENGARAH

# Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2002

	Nota	2002 RM'000	2001 RM'000
<b>ASET</b>			
Tunai dan dana jangka pendek	4	60,900	305,985
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	5	–	6,740
Jumlah ter hutang dari rakan niaga	6	25,330,082	22,122,786
Sekuriti pelaburan	7	224,644	164,541
Hutang pembiayaan secara Islam	8	703,390	142,954
Cukai boleh terima		11,964	19,559
Aset-aset lain	9	47,951	46,477
Aset tetap	10	4,204	2,628
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>26,383,135</b>	<b>22,811,670</b>
<b>LIABILITI</b>			
Bon dan nota pembawa tidak bercagar	11	24,940,165	21,516,511
Cukai tertunda	12	7,588	4,820
Liabiliti-liabiliti lain	13	271,116	254,527
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b>25,218,869</b>	<b>21,775,858</b>
MODAL SYER	14	150,000	150,000
RIZAB	15	1,014,266	885,812
DANA PEMEGANG SYER		1,164,266	1,035,812
<b>JUMLAH LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SYER</b>		<b>26,383,135</b>	<b>22,811,670</b>
<b>ASET KETARA BERSIH SESYER (RM)</b>	<b>22</b>	<b>7.76</b>	<b>6.91</b>

Nota-nota di muka surat 101 hingga 122 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# Penyata Pendapatan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002

	Nota	2002 RM'000	2001 RM'000
PENDAPATAN FAEDAH	16	1,146,321	1,130,548
PERBELANJAAN FAEDAH	17	(941,443)	(963,666)
PENDAPATAN FAEDAH BERSIH		204,878	166,882
PENDAPATAN OPERASI SECARA ISLAM	32	1,388	681
PENDAPATAN BUKAN FAEDAH	18	9,339	5,130
PENDAPATAN BERSIH		216,605	172,693
PERBELANJAAN PENTADBIRAN DAN AM		(4,426)	(4,405)
KOS KAKITANGAN		(3,675)	(3,216)
UNTUNG SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT	19	207,504	165,072
CUKAI	21	(57,196)	(46,629)
ZAKAT		(254)	(77)
UNTUNG BERSIH UNTUK TAHUN INI		150,054	118,366
PENDAPATAN SESYER (SEN)	22	100.0	78.9
DIVIDEN SESYER (SEN)	23	118	20

Nota-nota di muka surat 101 hingga 122 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# Penyata Perubahan Ekuiti

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002

	Diterbitkan dan berbayar Sepenuhnya syer biasa RM1 setiap satu		Boleh diagihkan		
	Jumlah Syer RM'000	Nilai Nominal RM'000	Rizab Am RM'000	Perolehan Tertahan RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 1 Januari 2001	150,000	150,000	528,160	268,446	946,606
Untung bersih untuk tahun ini	–	–	–	118,366	118,366
Pindahan ke rizab am	–	–	30,000	(30,000)	–
Pindahan ke perolehan tertahan	–	–	(558,160)	558,160	–
Dividen untuk tahun kewangan berakhir:					
31 Disember 2000					
– dividen akhir berjumlah 17 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan)	–	–	–	(18,360)	(18,360)
31 Disember 2001					
– dividen interim berjumlah 10 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan)	–	–	–	(10,800)	(10,800)
Baki pada 31 Disember 2001	150,000	150,000	–	885,812	1,035,812
Untung bersih untuk tahun ini	–	–	–	150,054	150,054
Dividen untuk tahun kewangan berakhir:					
31 Disember 2001					
– dividen akhir berjumlah 10 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan)	–	–	–	(10,800)	(10,800)
31 Disember 2002					
– dividen interim berjumlah 10 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan)	–	–	–	(10,800)	(10,800)
Baki pada 31 Disember 2002	150,000	150,000	–	1,014,266	1,164,266

Nota-nota di muka surat 101 hingga 122 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002

	2002 RM'000	2001 RM'000
<b>KEGIATAN KENDALIAN</b>		
Untung bersih untuk tahun ini	150,054	118,366
Pelarasan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaburan dan yang tidak melibatkan pergerakan tunai dan kesamaan tunai:		
Pelunasan premium ke atas Sekuriti Kerajaan Malaysia	380	(247)
Pelunasan premium ke atas sekuriti hutang secara Islam	106	–
Pendapatan terakru dari pelaburan secara Islam	(10,398)	(5,276)
Pendapatan faedah terakru dari pelaburan	(2,634)	(2,660)
Pendapatan faedah terakru dari swap kadar faedah	(14,324)	(12,296)
Susut nilai aset tetap	754	617
Laba ke atas pelupusan aset tetap	(53)	(90)
Cukai	57,196	46,629
Zakat	254	77
Untung kendalian sebelum perubahan modal kerja	181,335	145,120
(Pertambahan)/Pengurangan jumlah terhutang dari rakan niaga	(3,207,296)	74,730
(Pertambahan)/Pengurangan hutang pembiayaan secara Islam	(560,436)	70,012
(Pertambahan)/Pengurangan aset-aset lain	(663)	5,836
Pertambahan bon dan nota pembawa tidak bercagar	3,423,654	74,493
Pertambahan/(Pengurangan) liabiliti-liabiliti lain	11,731	(46,103)
Tunai (digunakan)/hasil dari kegiatan kendalian	(151,675)	324,088
Pembayaran zakat	(77)	(130)
Pembayaran cukai	(42,152)	(57,078)
Tunai bersih (digunakan dalam)/hasil dari kegiatan kendalian	(193,904)	266,880
<b>KEGIATAN PELABURAN</b>		
Pembelian:		
Pelaburan	(51,350)	–
Aset tetap	(2,347)	(1,046)
Pendapatan diterima dari pelaburan secara Islam	586	280
Pendapatan faedah diterima dari pelaburan	2,634	2,660
Pendapatan faedah diterima dari swap kadar faedah	14,088	12,025
Hasil dari pelupusan aset tetap	68	105
Hasil dari pelupusan pelaburan	–	1,038
Tunai bersih (digunakan)/hasil dari kegiatan pelaburan	(36,321)	15,062

# Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002 (sambungan)

	2002 RM'000	2001 RM'000
<b>KEGIATAN PEMBIAYAAN</b>		
Pembayaran dividen	(21,600)	(29,160)
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pembiayaan	<u>(21,600)</u>	<u>(29,160)</u>
(Pengurangan)/Pertambahan bersih dalam tunai dan kesamaan tunai Tunai dan kesamaan tunai pada awal tahun	(251,825) 312,725	252,782 59,943
Tunai dan kesamaan tunai pada akhir tahun	<u>60,900</u>	<u>312,725</u>
Analisis tunai dan kesamaan tunai:		
Tunai dan dana jangka pendek	60,900	305,985
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan matang dalam tempoh tiga bulan	–	6,740
	<u>60,900</u>	<u>312,725</u>

Nota-nota di muka surat 101 hingga 122 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

## 1 MAKLUMAT AM

Kegiatan utama Syarikat adalah membeli pinjaman gadai janji, hutang sewa beli dan pemajakan dari pemberi pinjaman utama yang diluluskan oleh Syarikat dan menerbitkan bon dan nota untuk membiayai pembelian tersebut. Syarikat juga membeli hutang pembiayaan rumah dan hutang sewa beli secara Islam dan menerbitkan bon berlandaskan prinsip Islam.

Tiada perubahan penting berlaku dalam kegiatan berkenaan di sepanjang tahun.

Jumlah pekerja Syarikat pada akhir tahun adalah seramai 54 (2001: 53).

Syarikat ini merupakan syarikat liabiliti terhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat pejabat berdaftar dan tempat utama urusan perniagaan ialah Tingkat 19, Bahagian Barat, Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.

## 2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

Dasar-dasar penting perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dengan dasar-dasar yang digunakan pada tahun sebelumnya.

### (a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah melainkan jika dinyatakan di dalam ringkasan dasar-dasar penting perakaunan ini.

Penyata kewangan ini mematuhi piawai perakaunan yang berkaitan yang diluluskan di Malaysia dan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Penyata kewangan ini menggabungkan aktiviti berkaitan dengan operasi secara Islam Syarikat.

Operasi secara Islam Syarikat merujuk kepada pembelian hutang pembiayaan rumah dan hutang sewa beli secara Islam dari pemberi pembiayaan yang diluluskan dan penerbitan sekuriti hutang berlandaskan prinsip Islam, serta pembelian dan dagangan dalam instrumen kewangan Islam. Dalam perakaunan bagi operasi secara Islam, Syarikat telah mengubahsuai polisi perakaunan untuk mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

### (b) Jumlah terutang dari rakan niaga

Nota 1 dalam penyata kewangan menjelaskan tentang kegiatan utama Syarikat, antaranya, membeli pinjaman gadai janji dan hutang sewa beli dan pemajakan. Kegiatan ini juga dinyatakan di dalam fasil Memorandum dan Tataurusan Syarikat.

Pembelian "Pinjaman gadai janji dan hutang sewa beli dan pemajakan" telah diklasifikasikan semula sebagai "Jumlah terutang dari rakan niaga" di dalam kunci kira-kira menurut Garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia kepada institusi-institusi kewangan pada 31 Julai 2001. Walau bagaimanapun, Syarikat dan rakan niaga kepada urus niaga tersebut masih menganggap urus niaga berkenaan sebagai urusan jual beli. Syarikat dan rakan niaga yang berkaitan telah memeterai perjanjian yang menyatakan bahawa sebarang pengklasifikasi semula perakaunan dibuat hanya untuk memenuhi konvensyen perakaunan dan/atau untuk mematuhi arahan pihak berkuasa dan ianya tidak mencerminkan atau mengubah tujuan pihak yang terbabit untuk menjalankan urusan jualan dalam erti kata yang sebenar.

Pada tarikh kunci kira-kira, jumlah terutang dari rakan niaga berkaitan dengan pinjaman gadai janji dan hutang sewa beli dan pemajakan adalah dinyatakan pada baki pokok yang belum dibayar kepada Syarikat. Pendapatan faedah atas jumlah terutang daripada rakan niaga dikira menurut asas akruan pada kadar faedah masing-masing mengikut baki setiap bulan.

## **2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN** (sambungan)

### **(c) Pelaburan**

Sekuriti Kerajaan Malaysia dan sekuriti hutang korporat jangka panjang yang dijangka akan dipegang sehingga matang, dinyatakan pada kos selepas pelunasan premium atau pertambahan diskau dari tarikh beli sehingga sekuriti tersebut matang.

Sekuriti Kerajaan Malaysia dan pelaburan-pelaburan lain yang dijangka dipegang untuk tempoh yang pendek dinyatakan pada kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah.

### **(d) Aset tetap dan susut nilai**

Aset tetap dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul.

Susut nilai dikira menurut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos aset-aset itu sepanjang jangkaan hayat guna aset tersebut. Kadar susut nilai tahunan utama yang digunakan adalah seperti berikut:

Peralatan pejabat	20%
Kenderaan bermotor	20%
Perabot dan kelengkapan	10%

### **(e) Pengiktirafan pendapatan**

Pendapatan faedah dikira menurut asas akruan. Bagi operasi secara Islam, pendapatan diambil kira mengikut kaedah perakaunan tunai selaras dengan prinsip-prinsip Syariah. Penerimaan terdahulu adalah dianggap sebagai liabiliti dalam kunci kira-kira.

### **(f) Premium dan diskau ke atas bon pembawa tidak bercagar terbitan Syarikat**

Premium ke atas bon pembawa tidak bercagar merupakan lebihan harga terbitan ke atas nilai penebusan bon berkenaan yang ditambah kepada penyata pendapatan mengikut jangka hayat bon tersebut. Apabila nilai penebusan melebihi harga terbitan bon berkenaan, perbezaan berkenaan iaitu diskau dilunas kepada penyata pendapatan mengikut jangka hayat bon tersebut.

### **(g) Diskau ke atas nota pembawa tidak bercagar terbitan Syarikat**

Diskau ke atas nota pembawa tidak bercagar merupakan lebihan nilai penebusan ke atas harga terbitan nota berkenaan dan dilunas kepada penyata pendapatan mengikut jangka hayat nota tersebut.

### **(h) Cukai tertunda**

Peruntukan dibuat menggunakan kaedah liabiliti bagi cukai tertunda atas kesemua perbezaan masa yang matan kecuali jika terdapat bukti yang munasabah di mana perbezaan masa ini tidak akan berubah dalam jangka masa terdekat.

### **(i) Tunai dan kesamaan tunai**

Tunai dan kesamaan tunai terdiri daripada tunai dan baki di bank dan institusi kewangan yang lain dan pelaburan jangka pendek di dalam pasaran wang yang akan matang dalam tempoh tiga bulan.

## **2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN** (sambungan)

### **(ii) Swap kadar faedah**

Swap kadar faedah digunakan sebagai alat pelindungan nilai untuk menyokong terbitan bon berkadar tetap untuk membiayai pembelian pinjaman gadai janji pada kadar terapung. Dengan mengikat kontrak swap kadar faedah, Syarikat dilindungi dari pergerakan kadar faedah kerana Syarikat membayar kadar terapung yang diterima dari pembelian pada kadar terapung tersebut dan menerima bayaran berkadar tetap dari rakan niaga swap. Bayaran berkadar tetap ini akan digunakan untuk membayar faedah ke atas terbitan bon berkadar tetap. Sebarang perbezaan yang akan dibayar atau diterima di atas kontrak swap kadar faedah diiktiraf sebagai salah satu komponen perbelanjaan faedah atau pendapatan faedah di sepanjang tempoh perjanjian. Kerugian atau laba yang disebabkan oleh penamatan awal kontrak swap kadar faedah akan diambil kira di dalam penyata pendapatan.

### **(k) Instrumen kewangan berimbangan**

Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan nilai bersih aset dan liabiliti tersebut akan dilaporkan di dalam kunci kira-kira apabila terdapat hak kuatkuasa undang-undang untuk tolak selesai nilai yang telah dikenalpasti dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada asas bersih, atau mengiktiraf aset dan menyelesaikan liabiliti tersebut pada masa yang sama.

### **(l) Peruntukan**

Peruntukan diiktiraf apabila Syarikat mempunyai kewajipan undang-undang atau konstruktif semasa akibat peristiwa-peristiwa lepas dan apabila terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi faedah-faedah ekonomi akan diperlukan bagi menyelesaikan kewajipan tersebut dan juga anggaran yang boleh dipercayai dapat dibuat ke atas jumlah kewajipan tersebut.

## **3 TUJUAN DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO**

Syarikat menghadapi empat jenis risiko yang utama merangkumi risiko pasaran, risiko kecairan, risiko kredit dan risiko operasi. Tujuan Syarikat dalam pengurusan risiko adalah untuk mengurus serta menghubung risiko secara berkesan dengan ganjarannya bagi memaksimumkan nilai para pemegang syer Syarikat di samping memastikan Syarikat boleh mengekalkan prestasinya.

Lembaga Pengarah telah meluluskan rangka kerja pengurusan risiko yang antaranya membentangkan peranan dan tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat di dalam pengurusan risiko. Lembaga Pengarah memastikan bahawa terdapat penyeliaan yang sewajarnya ke atas pengurusan risiko di dalam Syarikat. Lembaga Pengarah menetapkan kehendak terhadap risiko dan paras toleransi yang konsisten dengan keseluruhan objektif perniagaan Syarikat dan profil risiko yang dikehendaki. Lembaga Pengarah juga kerap mengkaji semula dan meluluskan semua polisi pengurusan risiko dan pendedahan risiko yang ketara.

Pihak Pengurusan Kanan (Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi dan Pengurus Kanan) bertanggungjawab untuk melaksanakan polisi yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dengan memastikan bahawa terdapat prosedur operasi, kawalan dalaman dan sistem yang mencukupi dan berkesan untuk mengukur, mengawasi dan mengawal risiko.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko bertanggungjawab ke atas pengurusan aset liabiliti Syarikat, strategi bagi penetapan harga dan pendanaan dan juga pengurusan risiko pasaran dan risiko kecairan. Jawatankuasa Risiko Kredit bertanggungjawab ke atas pengurusan risiko kredit. Jawatankuasa Pelaburan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pelaburan Syarikat dibuat mengikut polisi yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Penyeliaan ke atas pengurusan risiko operasi dilakukan oleh Jabatan Audit Dalaman melalui laporan secara kerap kepada Jawatankuasa Lembaga Audit untuk memberi jaminan yang bebas bahawa risiko telah dikenal pasti dan terdapat kawalan yang cukup dan berkesan ke atas semua aspek operasi Syarikat. Jabatan-jabatan dan unit-unit adalah bertanggungjawab dalam menguruskan risiko di dalam fungsi kerja mereka masing-masing. Unit Pengurusan Risiko diwujudkan pada tahun ini untuk memusatkan pengurusan risiko dan membantu pihak Pengurusan Kanan dan jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan dengan risiko dalam mengawal, mengawasi dan melaporkan risiko.

### **3 TUJUAN DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO** (sambungan)

Risiko-risiko yang dihadapi dan strategi yang diterima pakai oleh Syarikat dalam menguruskannya adalah seperti berikut:

#### **(a) Risiko Pasaran**

Risiko pasaran adalah pendedahan kedudukan kewangan Syarikat kepada pergerakan bertentangan di dalam kadar faedah atau harga pasaran. Syarikat terutamanya terdedah kepada risiko kadar faedah yang berkaitan dengan terbitan sekuriti hutang selepas komited untuk membeli pinjaman dan hutang. Oleh kerana Syarikat terpaksa membeli jumlah pinjaman dan hutang yang agak besar sebelum menerbitkan bon, margin Syarikat mungkin berkurangan sekiranya hasil bon meningkat di antara masa pembelian pinjaman dan hutang dan penerbitan bon.

Syarikat juga menghadapi risiko ketakpadanan pendanaan di antara aset dan liabilitinya. Walaupun mempunyai kematangan kontrak, purata tempoh aset bergantung kepada kadar pembayaran sebenar. Portfolio aset Syarikat mempunyai tempoh purata yang lebih pendek sekiranya kadar pembayaran adalah tinggi. Oleh kerana ketakpadanan pendanaan, Syarikat akan menghadapi risiko pelaburan semula pada kadar yang lebih rendah atau pinjaman pada kadar yang lebih tinggi.

Risiko kadar faedah dikurangkan melalui pengawasan secara teliti dagangan bon dalam pasaran sekunder dan jangkaan pasaran semasa terhadap kadar faedah dan kadar hasil bon. Syarikat berkeupayaan untuk menerbitkan sekuriti hutang di dalam masa yang paling singkat. Bagi meminimumkan kesan pembelian balik ke atas aliran tunai, Syarikat juga telah mewajibkan penggantian bagi kesemua pinjaman dan hutang yang dibeli balik, kecuali bagi pinjaman perumahan, di mana pilihan diberikan.

Lembaga Pengarah telah meluluskan Polisi Pengurusan Perbendaharaan pada bulan Disember 2001 sebagai rangka kerja di mana pendedahan Syarikat terhadap pelbagai risiko perbendaharaan ditangani. Polisi Pengurusan Perbendaharaan membentangkan, antara lain, struktur dan fungsi-fungsi Jabatan Perbendaharaan, polisi-polisi berkenaan pengurusan kecairan, pendanaan dan pelaburan, pengurusan risiko yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti perbendaharaan, transaksi-transaksi yang dibenarkan dan had-had untuk aktiviti-aktiviti perbendaharaan.

Sistem Pengurusan Aset Liabiliti membolehkan Syarikat mensimulasikan dan menjalankan analisis tentang jurang, margin, durasi dan kepekaan dengan menggunakan senario kadar dan binaan andaian ke atas jumlah portfolionya (termasuk kesemua butiran kunci kira-kira). Analisis durasi dilakukan sebelum terbitan baru bon untuk memastikan aset dan liabiliti Syarikat dipadankan dengan had toleransi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Syarikat melakukan analisis kepekaan ke atas faedah bersih teramal untuk mengurus pendedahan Syarikat kepada perubahan kadar faedah.

Syarikat juga menggunakan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak hadapan kadar faedah dan swap kadar faedah untuk mengurus dan melindung nilai pendedahannya kepada turun naik kadar faedah pasaran. Syarikat tidak menjalankan sebarang aktiviti perbendaharaan yang tiada berkaitan dengan aliran tunainya atau yang bersifat spekulasi semata-mata.

#### **(b) Risiko kecairan**

Risiko kecairan timbul apabila Syarikat tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk menyelesaikan liabilitinya apabila matang. Ini termasuk risiko di mana dana yang dipinjam tidak dapat diperolehi apabila Syarikat memerlukannya atau dana tersebut tidak dapat diperolehi bagi tempoh yang dikehendaki atau pada kos yang berpatutan.

Syarikat mengurangkan risiko kecairan dengan memadankan masa pembelian pinjaman dan hutang dengan penerbitan sekuriti hutang. Syarikat mengelakkan sumber dana belum guna yang mencukupi untuk menghadapi kemungkinan digunakan bagi menjelaskan hutangnya. Pengawasan teliti dan perancangan aliran tunai serta keupayaan Syarikat untuk menerbitkan nota-nota bagi pendanaan jangka pendek turut membantu mengurangkan risiko kecairan Syarikat.

### **3 TUJUAN DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO** (sambungan)

#### **(c) Risiko Kredit**

Syarikat membeli pinjaman dan hutang dengan hak tuntut balik. Syarikat menghadapi risiko kredit apabila rakan niaga ingkar membuat pembayaran kepada Syarikat, yang mana mungkin menyebabkan Syarikat terpaksa mengantikan urus niaga tersebut dengan rakan niaga yang lain atau meminjam daripada pasaran wang antara bank. Kebanyakan daripada pembelian pinjaman dan hutang oleh Syarikat adalah daripada institusi kewangan yang diselia oleh Bank Negara Malaysia. Pinjaman dan hutang Syarikat juga diaudit setiap tahun bagi memastikan pinjaman dan hutang yang dibeli adalah mengikuti kualiti yang dikehendaki oleh Cagamas. Oleh yang demikian, kebarangkalian keingkaran oleh institusi-institusi penjual dapat dikurangkan.

Risiko kredit juga timbul daripada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh Syarikat, di mana perubahan dalam tanggapan pasaran dan taksiran tentang keteguhan kewangan serta kualiti kredit penerbit mungkin mengakibatkan pelaburan-pelaburan tersebut mengalami pergerakan harga yang bertentangan. Syarikat mungkin menghadapi kerugian kewangan apabila pelaburan-pelaburan tersebut terpaksa dijual sebelum ianya matang.

Syarikat mengurangkan risiko kredit melalui dasar kredit dan had yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Parameter yang digunakan dalam menetapkan had kredit disemak oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa. Had kredit untuk rakan niaga bagi pembelian pinjaman dan hutang, pelaburan dan urus niaga pasaran wang disemak dan dipantau dengan lebih kerap. Terdapat juga panduan serta had yang ketat untuk pelaburan yang dibenarkan dan pelaburan tersebut adalah terhad kepada sekuriti yang bermutu tinggi. Tujuan utama pelaburan ialah untuk mengurus dana Syarikat dengan mengoptimumkan pulangan ke atas pelaburan, di dalam kekangan keselamatan dan keairan, untuk dipadankan dengan ukur rujuk yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Syarikat hanya akan menjual pelaburannya sebelum ianya matang dalam keadaan tertentu dan dalam tempoh masa yang munasabah seperti yang dinyatakan di dalam Polisi Pengurusan Perbendaharaan Syarikat.

#### **(d) Risiko Operasi**

Syarikat menghadapi risiko operasi iaitu potensi pendedahan kepada kerugian kewangan atau lain-lain kerugian yang disebabkan oleh kekurangan atau kegagalan proses dalaman, tingkah laku manusia, sistem atau daripada peristiwa-peristiwa luaran. Ianya juga termasuk risiko sumber manusia, perundangan dan reputasi.

Syarikat mengurangkan risiko operasinya dengan mengadakan kawalan dalaman, sistem dan prosedur yang komprehensif yang dikaji semula dengan kerap dan tertakluk kepada kekerapan audit oleh juruaudit dalaman. Syarikat juga telah menyediakan Pelan Kesinambungan Perniagaan yang komprehensif untuk meminimumkan kesan daripada potensi gangguan bencana dalaman dan luaran kepada operasi Syarikat. Pelan Kesinambungan Perniagaan berkenaan dikemaskinikan dengan kerap selaras dengan perubahan dalam proses perniagaan dan diuji untuk memastikan ianya masih berkaitan.

Syarikat sedang di dalam proses melaksanakan Sistem Pengurusan Perbendaharaan dan Sistem Pemprosesan Pinjaman secara bersepada sepenuhnya untuk mempertingkatkan kecekapan, keupayaan pemprosesan dan laporan, dan untuk meminimumkan kebarangkalian berlakunya kesilapan yang disebabkan oleh proses manual. Sistem tersebut mempunyai binaan kawalan dalaman serta pengesahan yang akan membolehkan Syarikat mengekalkan dan mengawasi had dan menerima amaran sekiranya berlaku sebarang pelanggaran had.

#### **4 TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK**

	<b>2002 RM'000</b>	<b>2001 RM'000</b>
Tunai dan baki di bank dan institusi kewangan yang lain	77	125
Wang panggilan dan deposit matang dalam tempoh sebulan	48,540	304,550
Wang panggilan Mudharabah dan deposit matang dalam tempoh sebulan	12,283	1,310
	<hr/>	<hr/>
	60,900	305,985
	<hr/>	<hr/>

#### **5 DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN INSTITUSI KEWANGAN**

Syarikat kewangan berlesen	-	6,740
	<hr/>	<hr/>

#### **6 JUMLAH TERHUTANG DARI RAKAN NIAGA**

Berkaitan dengan:		
Pinjaman gadaijanji	14,816,756	15,685,681
Hutang sewa beli dan pemajakan	10,513,326	6,437,105
	<hr/>	<hr/>
	25,330,082	22,122,786
	<hr/>	<hr/>

Struktur kematangan jumlah ter hutang dari rakan niaga adalah seperti berikut :

Matang dalam tempoh setahun	8,676,095	6,139,879
Setahun hingga tiga tahun	9,978,801	11,895,891
Tiga tahun hingga lima tahun	5,589,929	3,255,905
Lebih daripada lima tahun	1,085,257	831,111
	<hr/>	<hr/>
	25,330,082	22,122,786
	<hr/>	<hr/>

#### **7 SEKURITI PELABURAN**

Sekuriti Kerajaan Malaysia	34,806	34,806
Bon Khazanah	114,164	114,164
Sekuriti hutang secara Islam	51,350	-
	<hr/>	<hr/>
Pelunasan premium ditolak pertambahan diskau	200,320	148,970
	24,324	15,571
	<hr/>	<hr/>
	224,644	164,541
	<hr/>	<hr/>

## 7 SEKURITI PELABURAN (sambungan)

	2002 RM'000	2001 RM'000
Nilai pasaran sekuriti pelaburan adalah seperti berikut:		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	35,157	36,531
Bon Khazanah	176,444	170,600
Sekuriti hutang secara Islam	52,255	-
	<hr/>	<hr/>
	263,856	207,131
	<hr/>	<hr/>

Struktur kematangan sekuriti pelaburan adalah seperti berikut:

Setahun hingga tiga tahun	10,401	-
Tiga tahun hingga lima tahun	89,104	34,806
Lebih daripada lima tahun	100,815	114,164
	<hr/>	<hr/>
	200,320	148,970
	<hr/>	<hr/>

## 8 HUTANG PEMBIAYAAN SECARA ISLAM

Hutang pembiayaan rumah secara Islam	244,505	142,954
Hutang sewa beli secara Islam	458,885	-
	<hr/>	<hr/>
	703,390	142,954
	<hr/>	<hr/>

Struktur kematangan hutang pembiayaan secara Islam adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh setahun	81,862	5,669
Setahun hingga tiga tahun	298,676	133,934
Tiga tahun hingga lima tahun	281,866	3,351
Lebih daripada lima tahun	40,986	-
	<hr/>	<hr/>
	703,390	142,954
	<hr/>	<hr/>

## 9 ASET-ASET LAIN

